

Bah dua kali setahun

■ Penduduk tak lena tidur bimbang air sungai melimpah

Oleh Mohd Hilmi Mahmud

am@hmetro.com.my

Bayan Lepas

FOTO: RAMDAN MASJAM

“**S**aya keluar dari rumah pada jam 7 malam, semalam (kelmarin) untuk membeli makanan di kedai berhampiran, namun segera pulang kerana hujan lebat dan bimbang air dari sungai di sebelah rumah melimpah kerana yang ada di rumah hanya ibu yang uzur serta adik berstatus orang kurang upaya (OKU),” kata Johari Ismail, 55, semalam.

Telahan Johari yang tinggal di Kampung Masjid, Teluk Kumbar, di sini, ternyata tepat kerana apabila sampai di rumah dua tingkat miliknya, dia melihat air sungai melimpah menyebabkan dia mengangkat ibunya, Che Siah Samad, 87, yang uzur dan adiknya yang menghidap Sindrom Down ke tingkat atas.

“Selepas itu, saya mula mengalihkan peti ais dan mesin basuh ke tempat yang lebih tinggi dan pada jam 8 malam, air di dalam rumah sedalam 1 meter menyebabkan saya turut naik ke tingkat atas untuk menemani emak dan adik.

“Anggota bomba datang ke rumah pada jam 10 malam, namun saya menyatakan tidak mahu berpindah dan yakin selamat berada di tingkat atas rumah dan bersyukur apabila air surut semula pagi tadi (semalam),” katanya.

Johari yang masih bujang dan menetap di kampung itu sejak 50 tahun lalu berkata,



CHE Siah membantu membersihkan kawasan rumahnya yang dimasuki air di Kampung Masjid, Teluk Kumbar.

setiap kali hujan lebat terutama pada waktu malam, dia pasti tidak tidur lena kerana bimbang air sungai melimpah masuk.

“Saya dan penduduk di kampung ini sudah lali dengan keadaan banjir kerana hampir setiap tahun kampung ini mengalami banjir dan paling kurang dua kali setahun.

“Peralatan elektrik termasuk mesin basuh, peti sejuk dan televisyen rosak akibat ditenggelami banjir, namun saya tidak dapat menyelamatkan semuanya kerana air masuk dengan cepat,” katanya.

Hujan lebat sejak petang kelmarin menyebabkan 42

penduduk di Kampung Suluk, Kampung Nelayan, Kampung Masjid dan Kampung Paya dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Perda, Teluk Kumbar, di sini.

Semua mangsa dipindahkan mulai jam 10 malam, kelmarin, selepas kediaman mereka ditenggelami air dan operasi pemindahan dilakukan sepasukan lapan anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Bayan Baru dan dibantu BBP Seri Balik Pulau.

Mangsa banjir terbabit bagaimanapun dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pada jam 8 pagi, se-

malam selepas Jabatan Pertahanan Awam Malaysia mengesahkan air surut dan rumah mereka selamat untuk diduduki.

Seorang lagi mangsa banjir, Abu Hassan Ariffin, 66, berkata, setiap kali hujan lebat, dia dan keluarganya tidak dapat tidur lena kerana bimbang air mungkin akan naik dengan pantas sehingga membahayakan nyawa mereka.

“Dua tahun lalu, air sungai melimpah masuk ke dalam rumah sehingga 1.5 meter dan mujur ada anggota bomba datang menaiki sampan mengambil saya untuk keluar dari rumah,” katanya.

FAKTA
42 penduduk dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Dewan Perda, Teluk Kumbar